

**TEKS UCAPAN  
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP EREKA 2018  
PADA 20 DISEMBER 2018  
DI DEWAN ILMU KAMPUS UniMAP PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Prof. Dr Uda Hashim,**

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

**Yang Berusaha Tuan Haji Aisharuddin Nuruddin,** Pengarah Kanan,  
Bahagian Teknologi dan Masyarakat Suruhanjaya Komunikasi dan  
Multimedia Malaysia (SKMM),

**The Honourable Mr. Yuji Kozutsumi,** Managing Director of Nihon Superior  
(M) Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha Encik Goh Kheng Sneah,** Managing Director, Walta Group  
of Companies.

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

**Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail**

Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UniMAP,

**Yang Berusaha, Prof. Dr. Rosni Bakar**, Pengarah Pusat Pengkomersilan dan Harta Intelekt (CIPC) UniMAP ,

**Yang Berusaha Dr. Mohd Afendi Rojan**, Timbalan Pengarah Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan (CIGC) UniMAP mewakili Pengarah CIGC,

Para juri, wakil-wakil industri

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP

Para peserta EREKA 2018,

Rakan-rakan Media,

Seterusnya hadirin dan hadirat sekalian.

### **ALUAN KATA**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Aza Wajalla kerana kita masih lagi diberi kesempatan untuk berkumpul di petang yang indah lagi permai pada hari ini untuk bersama-sama di Majlis Perasmian Penutup Ekspo dan Pameran Penyelidikan (EREKA)- Industry Networking And Business Pitching UniMAP 2018
2. Pertama sekali izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah tahniah kepada Yang Berbahagia **Prof. Dr. Uda Hashim** Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP, **Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Khairul Azwan**, Dekan Pusat Penyelidikan Dan Inovasi UniMAP, **Yang Berusaha Prof. Dr. Rosni Bakar**, Pengarah

Pusat Pengkomersilan dan Harta Intelekt UniMAP (CIPC) dan Yang Berusaha Dr. Syafriza Mohd Basah, Pengarah Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan (CIGC) UniMAP serta seluruh tenaga kerja diatas kerjasama yang diberikan dalam memastikan majlis kita pada hari ini berjalan dengan lancar.

3. On this occasion, I would also like to utter my exclusive appreciation to **The Honourable Mr. Yuji Kozutsumi**, Managing Director of Nihon Superior (M) Sdn. Bhd. for being here with UniMAP today. Indeed, it is our pleasure to have you as our guest, and we look forward to the opportunity to do so again.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **EREKA- INDUSTRY NETWORKING AND BUSINESS PITCHING UniMAP 2018**

4. Saya difahamkan pada EREKA 2018 ini menyaksikan sedikit perubahan apabila tiga Pusat Tanggungjawab UniMAP iaitu Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan dan Pusat Pengkomersilan dan Harta Intelekt dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi bekerjasama dalam menganjurkan program pada kali ini.
5. Penganjuran EREKA 2018 merupakan platform awal yang yang boleh digunakan oleh para pensyarah dan penyelidik bagi mempamerkan rekacipta dan inovasi yang dihasilkan. Seterusnya ini akan mengukuhkan nilai rekacipta dan inovasi yang dihasilkan untuk

dibentangkan di platform yang lebih besar seperti ITEX, MTE dan sebagainya. Ia juga menjadi medan kepada para penyelidik untuk berkongsi idea dan penyelidikan mereka dan memberi peluang kepada masyarakat serta industri untuk melihat sendiri hasil penyelidikan universiti.

6. EREKA 2018 kali ini menyaksikan sebanyak 213 penyertaan dari pelbagai institusi pendidikan antaranya UPNM, UPM, UTHM, UiTM, MMU, politeknik dan tuan rumah UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **MENDEPANI KELESTARIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

7. Namun sebagai sebuah universiti yang mendepani kelestarian penyelidikan dan inovasi, UniMAP harus berpegang kepada realiti semasa. Penyelidikan, inovasi dan rekapipta jangan hanya dilihat sebagai “*quickwin*” untuk pingat emas, perak atau gangsa. Tidak juga hanya sebahagian daripada nilai kenaikan pangkat akademik.
8. Realitinya inovasi dan rekapipta harus mampu menjadi pemangkin kepada kelestarian kehidupan, menjadi nilai tambah yang mengangkat nilai ketamadunan ummah kearah yang lebih positif. Memberi perubahan kepada cara hidup dan memberi kebaikan kepada kemaslahatan sejagat.
9. Penyelidikan, inovasi dan rekapipta tidak akan mampu merubah tamadun manusia sekiranya ciptaan hanya untuk memenangi pingat dan poster di expo rekapipta tapi gagal melahirkan ciptaan kepada

*output* sebenar yang boleh dimanfaatkan oleh di dalam kehidupan manusia. Rekaan dan ciptaan juga tidak mampu melonjak kehidupan manusia dengan hanya sekadar mempunyai nombor harta intelek.

10. Untuk makluman semua, sejak penubuhan UniMAP sehingga 2018, penyelidik kita telah berjaya mendapatkan 2124 geran penyelidikan dengan jumlah dana sebanyak RM127,799,205.00. Ini terdiri daripada:

- Geran dalaman UniMAP bernilai RM11juta (11,909,850.00)
- Geran Agensi Kerajaan bernilai RM98juta (98,522,225.00)
- Geran Industri bernilai RM9juta (9,298,438.00)
- Dan Geran Antarabangsa bernilai RM8juta (8,068,692.00)

11. Dengan realiti sebegini, universiti harus mendorong dan mendukung penyelidikan yang mampu untuk mengimplementasi perubahan dalam sosial. Penyelidikan tidak boleh hanya berdasarkan minat penyelidik tanpa melihat keperluan keperluan dunia, pengguna dan pasaran. Universiti juga jangan harus berjauhan daripada industri-industri yang ada disekeliling.

12. UniMAP sebagai sebuah institusi yang berfokus kepada teknologi dan kejuruteraan, tidak seharusnya menjadi “silo” atau “jumud”, sebagai universiti cakna perubahan, UniMAP melalui EREKA 2018 mengariskan tema yang dianggap penting dan menjadi wadah yang akan memacu penyelidikan dan inovasi pada masa hadapan.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **INDUSTRY NETWORKING, BUSINESS PITCHING**

13. Industry Networking dan Business Pitching adalah dua tema yang digarapkan dalam EREKA 2018 kali ini. Kita mempunyai harapan besar agar penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan mampu untuk mempunyai nilai komersil, mampu untuk diimplementasi di industri-industri, dan mampu untuk menjadi satu sumbangan kecil pada dunia dan masyarakat.
14. Pasaran harus sedar, universiti mampu untuk memberi sumbangan besar dalam ketamadunan manusia. Industri perlu sedar, walau sekecil-kecil universiti idea dan jiwa mereka besar. Sejarah tidak pernah lupakan sumbangan penyelidikan universiti kepada dunia. Seperti contoh, *Tali Pinggang Keselamatan Moden* ciptaan *University of Cornell*, *CAT Scan* ciptaan *Georgetown University*, *Ultrasound* ciptaan *Vienna University*, *Rocket Fuel* ciptaan *Clark University*, *Solar Power House* ciptaan *MIT* dan banyak lagi sumbangan yang dihasilkan melalui penyelidikan universiti.

Hadirin dan hadirat sekalian

15. Hubungan kerjasama antara universiti dan industri merupakan salah satu pekara penting dalam agenda pembangunan universiti. Universiti melihat kerjasa “quid pro quo” atau “win win” antara universiti dan industri mampu memacu inovasi dan penyelidikan

kearah yang lebih progresif, efisien dan berdaya saing diperingkat yang lebih tinggi.

16. Oleh demikian, dalam EREKA 2018 kali ini, UniMAP tidak lupa juga memberi penghargaan kepada industri yang banyak menyumbang kepada universiti. 3 industri dipilih untuk menerima penghargaan UniMAP iaitu Anugerah Rakan Strategik Industri 2018 atau ARSI 2018. Beri tepukan kepada industri

- NIHON SUPERIOR (M) SDN BHD
- WALTA GROUP OF COMPANIES
- MALAYSIAN COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA COMMISSION (MCMC)

17. Ini menunjukkan bahawa UniMAP menghargai kerjasama erat dan strategik yang membuahkan kebaikan kepada kedua belah pihak. Untuk meletakkan “*diplomacy*” UniMAP-Industri sebagai satu wadah, UniMAP mewujudkan CIGC atau Centre for Industry and Governmental Collaboration. CIGC bertanggung jawab sebagai satu jambatan yang menghubungkan industri dan universiti dalam apa juga kerjasama.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **HARTA INTELEK UniMAP**

18. Selain CIGC, UniMAP juga mewujudkan Pusat Pengkomersilan dan Harta Intelek (CIPC) untuk menjadi katalis dan menentukan nilai komersil sesuatu penyelidikan yang dihasilkan. Dibawah direktif baru yang diimplementasikan pada 2017, CIPC bukan sahaja

menguruskan penyelidikan untuk didaftarkan dibawah Harta Intelek, namun turut mengenalpasti penyelidikan dan produk yang berpotensi untuk dikomersilkan melalui kaedah perlesenan.

19. Sejak penubuhan UniMAP sehingga hari ini, kita telah berjaya mendaftarkan 189 harta intelek. Kesemua harta intelek yang telah didaftarkan adalah aset yang sangat berharga untuk universiti. Oleh demikian fokus universiti seterusnya adalah untuk mengkomersilkan harta intelek yang ada.

20. Ini adalah penting untuk menjustifikasikan kos yang telah dikeluarkan oleh universiti bagi membolehkan pendaftaran harta intelek dilaksanakan. Sehingga hari ini kita telah membelanjakan lebih dari RM1 juta untuk pendaftaran kesemua 189 harta intelek tersebut. Perlesenan Harta Intelek merupakan salah satu inisiatif.

21. Melalui kaedah ini, pada tahun 2017 pihak UniMAP telah berjaya melesenkan tiga teknologi kepada tiga syarikat. Dua daripada syarikat ini adalah merupakan “start-up company” UniMAP. Pada tahun 2017 pihak UniMAP melesenkan:

- Sistem Wireless Bridge hasil penyelidikan Prof. Madya Dr. Faizal Jamlos kepada E-Prolink Sdn Bhd dengan nilai RM60,000.00
- Sistem Agriculture Drone hasil penyelidikan Prof. Dr. Hazry Desa kepada HAAS Solution Sdn Bhd dengan nilai RM60,000.00



- Sistem MASK Aligner hasil penyelidikan Prof. Dr. Uda Hashim kepada ICEZ Sdn Bhd dengan nilai RM200,000.00

22. Pada tahun ini, kita dalam proses untuk menandatangani perjanjian perlesenan untuk tiga lagi perlesenan teknologi dengan tiga lagi syarikat “start-up” UniMAP.

- Manga Lestari Consult Sdn. Bhd. dengan penyelidikan oleh Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar bernilai RM60,000.00
  - SWZ Sdn. Bhd. dengan penyelidikan oleh Prof. Madya Dr. Shahrman Abu Bakar bernilai RM20,000.00
  - Tekbina Holding Sdn. Bhd. dengan penyelidikan oleh En. Norrazman Zaiha Zainol bernilai RM20,000.00
- Dengan ini dalam tempoh 2 tahun pihak UniMAP telah berjaya melesenkan enam produk penyelidikan dengan nilai RM420,000.00 sebagai lesen harta intelek.

Hadirin dan hadirat sekalian

## **PENUTUP**

23. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak industri yang hadir dalam program EREKA 2018 hari ini. Harapan saya, agar bermula pada EREKA 2018 kali ini, pihak universiti dan industri akan terus merapatkan kerjasama dalam mendepani penyelidikan dan inovasi agar mampu untuk kita

bersama sama menyumbang dalam membangunkan ketamadunan yang lestari.

24. Selaku Naib Canselor, saya berharap program hari ini dapat mencapai objektif yang disasarkan. Tidak dilupakan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang hadir memberikan perkongsian pengalaman, kata kata perangsang dan juga membina minat dalam meneruskan kelestarian penyelidikan dan inovasi.
25. Kepada staf staf, pelajar-pelajar, penyelidik yang hadir, saya harap maklumat dan tunjuk ajar serta pengalaman yang boleh dimanfaatkan dalam program ini, mampu memberi impak dalam menzahirkan kekuatan dan semangat penyelidikan dan inovasi.
26. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Penutup Majlis Perasmian Penutup ***Ekspo dan Pameran Penyelidikan (EREKA) - Industry Networking and Business Pitching UniMAP 2018.***

Sekian,      Wabillahitaufik      Walhidayah      Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh